



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGAPLIKASIAN KONSEP PARAMETRIK DENGAN
EKSPERIMENTASI *SLIP* PORSELIN DALAM
PENGHASILAN KARYA KONTEMPORARI**

Thanesh Kumar A/L Letchumanan

(49283)

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Gred: _____

Sila Tanda (✓)

Laporan Project Tahun

Akhir

Masters


PhD

PENGESAHAN KERJA ORIGINAL

Pengesahan ini dibuat pada 22 hari bulan 6 2017.

Pengesahan Pelajar:

Saya **THANESH KUMAR A/L LETCHUMANAN (49283)** dari **FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF** dengan ini memperakui bahawa kerja bertajuk **PENGAPLIKASIAN KONSEP PARAMETRIK DENGAN EKSPERIMENTASI SLIP PORSELIN DALAM PENGHASILAN KARYA KONTEMPORARI** ialah kerja asal saya. Saya tidak menyalin kerja dari mana-mana pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dari rujukan sewajarnya atau pengakuan dibuat jelas dalam teks, dan tidak ada mana-mana bahagian telah ditulis oleh saya dengan orang lain.



Thanesh Kumar A/L Letchumanan (49283)

22 Jun 2017

Tarikh Penghantaran

Pengesahan Supervisor:

Saya **EN. MOHAMAD ZAMHARI B. ABOL HASSAN** dengan ini memperakui bahawa kerja bertajuk **PENGAPLIKASIAN KONSEP PARAMETRIK DENGAN EKSPERIMENTASI SLIP PORSELIN DALAM PENGHASILAN KARYA KONTEMPORARI** telah disediakan oleh pelajar yang bernama seperti di atas dan dihantar ke fakulti sebagai separa memenuhi / penuh bagi penganugerahan **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (SENI HALUS)**, dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah kerja pelajar tersebut itu.

Diterima dan disemak:

(En. Mohamad Zamhari b. Abol Hassan)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Tarikh: 22 Jun 2017


Saya mengaku bahawa Projek / Tesis dikelaskan (Sila tandakan (√)):


- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
 TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*
 TIDAK TERHAD

Pengesahan Projek/Tesis

Saya mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran bebas dan mengaku bahawa Projek / Tesis hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan keinginan yang kekal seperti hak-hak berikut:

- Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang tunggal Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Pusat Perkhidmatan Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan untuk tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.
- Pusat Perkhidmatan Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan untuk Pangkalan Data Kandungan Tempatan (Local Content Database).
- Pusat Perkhidmatan Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek / Tesis untuk pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan akan diterima dari pelajar itu sendiri dan tiada pihak ketiga dalam Projek / Tesis ini setelah ia menjadi hak milik UNIMAS.
- Projek / Tesis ini atau apa-apa bahan, data dan maklumat yang berkaitan tidak boleh diedarkan, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar  22 Jun 17
(Tarikh)

Supervisor signature 
Mohd Zamri Abdul Hassan
(Tarikh)
Pensyarah
Fakulti Seni, Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Alamat Semasa:

NO.45, Jalan Hamzah 46, Taman Intan 5, 42200 Kapar, Klang, Selangor Darul Ehsan.


Nota: * Jika Projek / Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama dengan lampiran surat daripada organisasi dengan sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan dengan sewajarnya oleh Pusat Perkhidmatan Maklumat Akademik]

LAMPIRAN 3

Projek bertajuk **Pengaplikasian Konsep Parametrik dengan Eksperimentasi Slip Porselin dalam Penghasilan Karya Kontemporari** telah disediakan oleh **Thanesh Kumar A/L Letchumanan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:


Mohd Zamhari Abol Hassan
Penyarah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

En. Mohamad Zamhari b. Abol Hassan

Tarikh: 22 Jun 2017

PENGHARGAAN

Melalui peluang keemasan ini, saya Thanesh Kumar A/L Letchumanan amat bersyukur kehadiran illahi kerana berkat dan nikmat serta kurniaan daripada-Nya, akhirnya dapat juga saya menyiapkan Projek Tahun Akhir saya ini. Terlebih dahulu saya ingin menunjukan penghargaan dan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang banyak membantu dalam hal kewangan dan tenaga dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Mohamad Zamhari Bin Abol Hassan selaku penyelia kertas projek tahun akhir ini yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Beliau telah memberi bimbingan serta pendekatan-pendekatan yang dinamik bagi membantu saya dalam menghasilkan kertas projek yang bermutu dan berkualiti.

Sekalung penghargaan juga ditunjukkan kepada semua informan yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual. Kesemua informan telah bekerjasama dengan memberi informasi-informasi yang amat berguna dalam menghasilkan kertas projek ini.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini, bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kertas projek ini.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Halaman Tajuk	
Borang Pengesahan Status Tesis/ Laporan	i
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Figura	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Graf	ix
Abstrak	x
Bab 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Hipotesis Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Harapan Kajian	10
1.9 Kesimpulan	11

Bab 2: SOROTAN KAJIAN	12
2.1 Pendahuluan	12
2.2 Konsep Parametrik	12
2.3 Slip	16
2.3.1 Porselin	17
2.3.2 Komponen Porselin	20
2.3.3 Artis dan Karya	21
2.4 Seni Kontemporari	25
Bab 3: METODOLOGI KAJIAN	28
3.1 Pendahuluan	28
3.2 Analisis Data	29
3.3 Kesimpulan	44
Bab 4: DAPATAN KAJIAN	46
4.1 Pendahuluan	46
4.2 Kajian Terhadap Teknik	47
4.3 Kajian Terhadap Persembahan (<i>Presentation</i>)	55
4.4 Kajian Terhadap Konsep (Parametrik)	60
4.5 Perbincangan	68
4.6 Kesimpulan	78
Bab 5: KESIMPULAN	79
5.1 Proses Penghasilan Karya	79
5.2 Rumusan	84
RUJUKAN	88
LAMPIRAN	92

Senarai Figura

Perkara	Halaman
Figura 1: Lesley Risby (2016). <i>'Dispersal Series V No 1'</i>	48
Figura 2: Shamsu Mohamad (2016). <i>Biocity</i> .	50
Figura 3: Yuichi Ikehata (2015). <i>Decomposing Body Parts</i> .	52
Figura 4: Hendrawan Riyanto (1997). <i>Loro Blonyo</i> .	54
Figura 5: John Rafman (2015). <i>'Tokyo Red Eye (Massage Chair)'</i>	56
Figura 6: Yukiharu Tamiya (2016). <i>Anywhere Door Experience</i> .	57
Figura 7: Rachel Rossin (2016). <i>Man Mask</i> .	59
Figura 8: Fenella Elms (2015). <i>The Uncertainty of Fragility</i> .	62
Figura 9: Nuala O'Donovan (2016). <i>Fractales en Porcelaine</i> .	64
Figura 10: Henrique Oliveira (2009). <i>Tapumas</i> .	66
Figura 11: <i>The Visible Possibility</i> (2017).	69
Figura 12: Lakaran Konseptual	79
Figura 13: Pengambilan Tanah Liat	80
Figura 14: Proses Pengeringan Tanah	80
Figura 15: Penapisan Tanah	81
Figura 16: Celupan Slip Porselin	81
Figura 17: Proses Pengeringan	82
Figura 18: Proses Pembakaran	82
Figura 19: Pengambilan Gambar 360°	83
Figura 20: Karya Akhir	83

Senarai Jadual

Jadual	Halaman
	30
Jadual 1: Komponen Kimia (Porselin)	
Jadual 2: Nisbah Komponen Porselin	32
Jadual 3: Eksperimentasi Formula Terpilih	34
Jadual 4: Nisbah Komponen Porselin	37

Senarai Graf

Perkara	Halaman
Graf 1: Suhu Pembakaran Porselin	35
Graf 2: Suhu Pembakaran Porselin	39

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai penerapan konsep parametrik dengan eksperimentasi slip porselin dalam penghasilan karya kontemporer. Pengkaji secara spesifiknya menerapkan konsep parametrik dalam penghasilan karya kontemporer. Kajian ini lebih mendalami lagi mengenai slip porselin terhadap dawai dimana hybridasi terhadap dua medium yang berbeza. Ini merupakan pendekatan kontemporer dimana tiada limitasi dalam penggunaan medium. Di samping itu, kajian ini juga memfokus terhadap penginterpretasian dan persembahan karya dengan kontroversi terhadap konsep parametrik. Pengkaji telah menekankan konteks kontemporer dalam penghasilan karya dengan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini. Oleh itu, penulisan ini akan menerangkan mengenai penerapan konteks kontemporer secara menyeluruh terhadap penghasilan karya yang bersifat sezaman.

Kata Kunci : Parametrik, Slip Porselin dan Seni Kontemporer.

Bab 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Dalam penerokaan dunia seni dalam penghasilan karya kontemporer, penerapan konteks daripada disiplin lain amatlah memainkan peranan. Seni kontemporer tidak lagi berdiri sebagai seni itu sendiri, malah kombinasi daripada disiplin-disiplin lain daripada seni mahupun bukan seni menjadikan karya tersebut adalah kontemporer. Seterusnya, pelbagai konteks dan penerapan terhadap karya kontemporer juga perlu dititikberatkan. Hal ini demikian, penyampaian konteks sezaman tidak lagi menyentuh kepada seni untuk seni (*'art for art scene'*).

Selain itu, ia adalah lebih daripada jangkauan dan pemikiran literal dan unik sejurus dengan disiplin-disiplin yang lain. Kombinasi dan kontroversi daripada bidang lain menjadi fokus kepada para artis dalam penghasilan karya yang memberi impak yang kontingensi. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin menerapkan konsep seni bina (*architecture*) iaitu parametrik dalam penghasilan karya kontemporer dalam kajian ini.. Konsep parametrik menjadi tiang dalam penghasilan karya seni kontemporer dengan adanya eksperimentasi porselin terhadap dawai sebagai medium utama dalam penghasilan karya.

Pengaplikasian terhadap sesuatu konsep adalah sangat penting dalam penghasilan sesebuah karya kontemporer. Adakah konsep sahaja yang menjadikan penanda aras dalam penghasilan karya ataupun pengisian kepada konteks seni kontemporer? Jawapannya sudah semestinya tidak. Kombinasi daripada keseluruhan konteks kontemporer hanya mampu menjadikan karya

tersebut merupakan sebuah karya yang unik. Konsep parametrik dalam kajian ini, secara tidak langsung menyentuh sedikit sebanyak terhadap penghasilan karya dan juga menjadi pengisian atau maksud yang menekankan konteks sezaman dengan deria seni halus.

Walakin begitu, unsur teknikal amatlah diterapkan dalam kajian ini bagi memastikan penghasilan karya akhir lebih konsisten dengan penggunaan medium mahupun cara persembahan karya. Unsur teknikal juga memberi implikasi secara langsung dalam kajian ini. Walhal, walaupun unsur teknikal telah ditekankan dalam kajian ini, unsur tersebut hanya ditekankan bagi penghasilan karya akhir. Hal ini disebabkan, penggunaan konsep parametrik mempunyai hubungan yang amat rapat dalam penghasilan bentuk pada karya akhir yang mempunyai unsur pengiraan dalam penghasilannya. Oleh itu, pengkaji telah menekan unsur teknikal secara terperinci dalam bab seterusnya.

Kajian ini tidak lengkap sekiranya pengkaji tidak menyentuh pada cara persembahan karya (*art work presentation*). Sekiranya mengimbas kepada seni kontemporari, cara persembahan menjadi unsur utama kepada sebuah karya yang menepati konteks sezaman. Cara persembahan memberi pekaan yang amat mendalam memaparkan ideologi kontemporari. Ini bermakna, cara persembahan karya akhir merangkumi segala konteks yang dianalisis oleh pengkaji dalam kajian ini. Sebuah karya akan dikategorikan sebagai karya kontemporari sekiranya cara persembahan yang merangkumi segala konteks seni kontemporari. Oleh itu, perbincangan yang kritikal akan dipraktikkan bagi menerangkan secara terperinci mengenai cara persembahan karya.

Lantaran itu, penggunaan medium elektronik ataupun teknologi menjadi salah satu faktor utama dalam penghasilan karya. Adakah sesebuah karya yang mempunyai unsur elektronik dan teknologi mampu menjadi konsistensi dalam sesebuah karya? Daripada pandangan pengkaji mengenai perkara tersebut, tiada sesuatu pendekatan yang konsisten yang mengatakan bahawa karya tersebut adalah karya kontemporari. Penggunaan medium elektronik dan teknologi hanya menjadi salah sebuah bahagian dalam penghasilan karya akhir. Oleh hal demikian, penggunaan medium elektronik dan teknologi juga ditekankan dalam kajian ini bagi memastikan *output* iaitu karya akhir mampu memenuhi segala konteks yang ingin disampaikan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Konklusinya, kajian ini akan menyentuh sedikit sebanyak mengenai pengaplikasian konsep parametrik dalam penghasilan karya. Penerapan konsep parametrik menjadi akar umbi dalam kajian ini bagi menghasilkan karya yang berfokus kepada penerapan konsep sejajar dengan perkembangan seni dunia dan penerimaan terhadap karya tersebut. Akhirnya, pengkaji juga telah menekankan konteks seni kontemporari secara terperinci bagi memastikan karya akhir mampu menjadi karya yang unik. Penggunaan konsep dalam penghasilan karya seni selaras dengan penekanan terhadap unsur teknikal secara tidak langsung, menunjukkan kesinambungan terhadap karya akhir. Dengan yang demikian, kajian ini menunjukkan perbincangan yang kritikal mengenai kombinasi konsep daripada disiplin lain dalam seni visual dan mengganggu norma literal.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam pengintegrasian zaman seni kontemporari, maksud mahupun nilai estetika bagi sesebuah karya tidaklah dititikberatkan dalam penghasilan karya. Menurut Meyer (2000), seni kontemporari merupakan seni yang bermula pada tahun 1980 sehingga kini. Sesuatu penghasilan karya, tidak hanya tertumpu kepada medium dan pendekatan sahaja, malah berlakunya perubahan ketara dalam penerapan idea dan konsep karya secara terperinci. Oleh itu, penerapan konsep parametrik dengan eksperimentasi porselin dalam penghasilan karya kontemporari sedikit sebanyak memberi penekanan dan kontroversi daripada disiplin yang berbeza.

Konsep seni bina parametrik merupakan salah sebuah konsep kontemporari yang bermula dalam sekitar tahun 1990-an (Vienna, 2007). Perkembangan teknologi menyebabkan berlakunya perkembangan yang ketara dalam aspek seni bina. Unsur seni bina tidaklah lengkap sekiranya pengkaji tidak menyentuh unsur pengiraan dalam penghasilan sesebuah karya. Konsep parametrik bukan sahaja menjadi induksi terhadap penghasilan karya seni visual, malah turut memberi penekanan terhadap pelbagai aspek yang lain. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji menekankan penerapan konsep parametrik dalam penghasilan karya kontemporari.

Selain itu, menurut Silva & Amorim (2010), konsep parametrik wujud kerana adanya bantuan teknologi dalam produksi perakaan. Penggunaan teknologi yang ketara menjadikan penghasilan terhadap reka bentuk sesuatu dapat dipraktikkan. Hal ini dapat dilihat pada seni bina parametrik iaitu seni bina yang mengganggu norma kebiasaan iaitu dalam bentuk organik pada penghasilannya. Ironinya, penerapan konsep parametrik juga tidak hanya bergantung kepada

seni bina sahaja. Oleh itu, pengkaji ingin menggabungkan unsur parametrik dalam bentuk pengiraan dalam menghasilkan bentuk daripada hasil kalkulasi tersebut.

Seterusnya, seramik iaitu *keramos* yang berasal dari bahasa Greek iaitu membawa maksud lempung yang dibakar suhu yang tinggi melebihi 500°C (Rahman. I.,AB. 1995). '*With earth's first clay, they did the last man knead*' (Fitzgerald, E. 2002). Secara umumnya, seramik telah wujud pada era sebelum masihi. Budaya Jomon di Jepun merupakan peneroka terawal iaitu 12 000 tahun yang lalu di Sungai Nil (Cooper. 2002). Mereka menggunakan seramik untuk aktiviti harian seperti memasak dan memproses makanan. Seramik berkembang sedikit demi sedikit mengikut ketamadunan dunia mengikut benua-benua dengan menerapkan konsep dan identiti tersendiri dalam sudut seni yang berbeza daripada bidang industri dan kraft.

Selain itu, seramik juga dititikberatkan oleh empayar Islam selepas seramik berkembang di seluruh dunia. Kingery (1986) menyatakan bahawa berlakunya transformasi terhadap seramik iaitu tradisional kepada moden pada era revolusi perindustrian di Eropah dengan penggunaan bahan kimia yang maju pada seramik. Malah, penerapan nilai estetika dan artistik, seramik adalah salah satu medium yang digunakan oleh artis bagi menghasilkan karya seni visual.

Secara umumnya, seramik terbahagi kepada tiga kategori iaitu seramik tradisional, moden dan kontemporari. Penggunaan komponen -komponen bahan kimia adalah seperti *Alumina* (Al_2O_3), *Zirconium Oxide* (ZrO_3), *Silica* (SiO_2) dan sebagainya mula diguna pakai buat kali pertama dalam seramik moden. Ironinya, perkembangan seramik moden berlaku selepas Perang Dunia Kedua iaitu pada pertengahan 1950 dan 1960-an. Dalam menyatakan perubahan dari segi masa iaitu perkembangan seni dunia, seramik juga dititikberatkan oleh artis-artis mahupun dalam

industri pemrosesan seramik. Seramik juga berkembang pesat sehinggalah dikategorikan sebagai '*high-technologies*', '*advanced ceramic*', '*high-performance ceramics*', '*engineering ceramics*', '*super-ceramics*' dan '*hyper-ceramics*' (Saito, S. 1985).

Walaupun bagaimanapun, seramik berkembang dari segi penggunaan mesin secara mendatar, tetapi artis hanya berorientasikan tanah liat sebagai sebuah medium untuk menghasilkan karya sama ada berbentuk dua dimensi atau tiga dimensi dengan menerapkan nilai estetika dan artistik dalam penghasilan karya. Oleh hal itu, walaupun penghasilan seramik ditekankan dengan teknikal dalam penggunaan bahan kimia, pembakaran dan sebagainya, penghasilan karya akhir oleh para seniman mengutarakan maksud, konsep penghasilan karya untuk menyampaikan maksud implisit di sebalik karya tersebut dengan menerapkan konsep sejajar dengan perkembangan seni dunia.

Selain itu, sejarah penghasilan porselin telah bermula di China dan seterusnya berkembang di negara-negara lain terutamanya di Eropah. Porselin memerlukan suhu pembakaran yang sangat tinggi iaitu 1250°C-1400°C. Menurut Lane (2003), porselin bukan sahaja dihasilkan untuk tujuan perhiasan dan kegunaan industri, malah penggunaannya adalah pelbagai dan ber variasi dalam konteks kontemporari. Seterusnya, porselin merupakan salah satu medium yang digunakan oleh pengkarya dalam penghasilan sesebuah karya yang menolak ideologi tradisional dengan penerapan ideologi-ideologi kontemporari dengan menekankan ekspresi individu terhadap medium tersebut. Beliau juga mengatakan bahawa seramik kontemporari tidak mempunyai sejarah dan sempadannya sendiri dalam eksplorasi secara praktikal, teknikal, sosial, budaya dan estetika oleh seseorang artis.

Kesimpulannya, seramik mempunyai sejarah sendiri dari segi perkembangannya dengan penggunaan medium iaitu *terracotta* sehinggalah porselin. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan secara mendalam mengenai penggunaan medium porselin ini dalam bentuk *slip*. *Slip* porselin diaplikasikan terhadap dawai di mana eksplorasi terhadap medium yang berbeza. Pengkaji menggunakan medium ini sebagai eksplorasi terhadap medium lain secara hybridasi dengan menggunakan konsep parametrik. Oleh itu, penghasilan karya oleh pengkaji daripada kajian ini telah menekankan terhadap konteks dalam penghasilan karya kontemporari.

1.3 Hipotesis Kajian

Menurut pernyataan yang dipraktikkan oleh Sabran (2017) dan Hirst (2006) terhadap kajian yang dianalisis oleh pengkaji, pengkaji dapat mengutarakan sebuah hipotesis bahawa seni kontemporari merupakan seni yang memerlukan kontribusi daripada bidang dan disiplin yang berbeza dalam penghasilan karya.

Hal ini dapat dilihat pada karya sezaman yang mana tidak mempunyai sesebuah pendekatan yang statik dalam penghasilan karya. Oleh itu, seperti mana yang disebutkan oleh pengkaji dalam kajian ini, kontribusi daripada bidang seni bina iaitu pengaplikasian konsep parametrik dalam bidang seni visual, dapat menghasilkan karya yang bersifat kontemporari dan unik.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dikemukakan setelah mengenal pasti permasalahan kajian apabila sorotan kajian dilakukan. Oleh itu, pengkaji telah mengemukakan tiga persoalan dalam kajian ini iaitu :

1. Apakah jenis-jenis parametrik dapat digunakan sebagai konsep dalam penghasilan karya kontemporari?
2. Apakah konsep parametrik dapat digunakan sebagai konsep dalam penghasilan karya dengan eksperimentasi *slip* porselin?
3. Bagaimanakah konsep parametrik diaplikasikan terhadap penghasilan karya kontemporari dengan eksperimentasi *slip* porselin?

1.5 Objektif Kajian

Bagi menjalankan kajian ini selaras dengan persoalan dan masalah kajian, tiga objektif telah diutarakan dalam kajian ini. Objektif kajian ini memainkan peranan penting dalam kajian ini iaitu seperti berikut:

1. Menenal pasti jenis parametrik sebagai konsep dalam penghasilan karya kontemporari.
2. Menganalisis konsep parametrik dengan eksperimentasi porselin dalam penghasilan karya kontemporari.
3. Mengaplikasikan konsep parametrik dalam penghasilan karya kontemporari dengan menggunakan porselin sebagai medium utama.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dieksploitasi oleh pengkaji apabila menjalankan kajian literatur. Setelah dikaji dan mempelajari terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji dapat mengenal pasti potensi kajian ini bahawa kajian ini penting daripada beberapa sudut seperti yang dikemukakan di bawah:

1. Untuk menunjukkan potensi konsep parametrik dalam penghasilan karya kontemporari.
2. Untuk menunjukkan peranan konsep dalam penghasilan karya adalah amat penting melainkan pengaplikasian konteks kontemporari yang lain.
3. Bagi menunjukkan bahawa seni pada masa kini tidak berdiri sebagai seni, malah merupakan kombinasi daripada disiplin lain melalui penerapan konsep parametrik dalam penghasilan karya.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini adalah pengaplikasian konteks kontemporari dalam penghasilan karya. Setelah menyentuh konteks, konsep dan material memainkan peranan dalam penghasilan karya. Oleh itu, kajian ini merangkumi pengaplikasian konsep seni bina iaitu parametrik dalam penghasilan karya dalam konteks konteks kontemporari. Pengaplikasian terhadap konsep parametrik, secara tidak langsung unik terhadap hasilnya iaitu karya akhir.

Selain itu, kajian ini bukan sahaja terhadap pengaplikasian konsep terhadap karya akhir, malah eksperimentasi terhadap medium utama iaitu porselin juga amat memberi implikasi terhadap hasil kajian. Pengaplikasian unsur pengiraan terhadap karya selaras dengan kemampuan

medium juga dikemukakan dalam bab seterusnya. Ini adalah kerana konsep parametrik seperti mana yang diujahkan oleh pengkaji, iaitu salah sebuah konsep seni bina kontemporari. Oleh itu, unsur pengiraan menjadi kepekaan utama dalam kajian ini terutamanya terhadap medium dan bentuk dalam konteks mutakhir dengan unik.

1.8 Harapan Kajian

Dengan kombinasi dinamik daripada gabungan konteks iaitu subjek, bahan, kaedah dan konsep terhadap sesebuah karya, mampu menjadikan sesebuah karya itu bersifat kontemporari. Kajian ini merangkumi setiap konteks selaras dengan konsep parametrik dalam penghasilan karya kontemporari. Dalam kajian ini, pengkaji mengharapkan agar pengaplikasian konsep daripada disiplin yang berbeza dalam pengintegrasian seni kini, dapat menjadikan karya tersebut sebagai salah sebuah kontroversi dari segi penyampaian dan pemikiran.

Melalui hasil dapatan kajian ini, sesebuah karya dapat dihasilkan dengan intipati konteks sezaman yang mampu mengubah persepsi para audiens. Pengaplikasian terhadap konsep daripada disiplin yang berbeza menjadi penanda aras pada mata audiens dimana seni kontemporari tidak lagi menyentuh terhadap seni itu sendiri (*art for art scene*). Oleh itu, kajian ini secara langsung dan tidak langsung memainkan peranan utama bukan sahaja dalam mengubah persepsi audiens, malah menjadi penanda aras kepada penghasilan karya kontemporari dengan penggunaan medium dan teknologi kini sebagai bahan perantaraan alternatif dan cara persembahan karya.

1.9 Kesimpulan

Tuntasnya, konsep adalah sesebuah inti yang sangat penting dalam penghasilan karya kontemporari. Sesebuah karya perlu mempunyai konsep sebagai penanda aras dalam penghasilannya melainkan maksud dan nilai estetika. Seperti mana yang kita tahu bahawa seni kontemporari adalah seni yang unik, penerapan terhadap sesuatu unsur tidak ditekankan secara statik dan konsisten. Pernyataan ini bukan sahaja dari segi penggunaan medium, kaedah, bahan mahupun konsep, malah pengaplikasian konteks yang merangkumi segala unsur yang diujah sebelum ini dalam penghasilan sesebuah karya.

Seterusnya, pengaplikasian konsep ataupun kaedah daripada disiplin atau bidang lain menjadikan karya tersebut karya kontemporari. Kontribusi daripada bidang lain mampu mengukuhkan konteks sezaman iaitu paradok yang tidak lagi berlandaskan sesuatu perkara yang sama. Akhirnya, penggunaan kaedah daripada bidang lain mempunyai hubung kait yang amat rapat dengan audiens mahupun karya itu sendiri. Pendirian ini sebenarnya bukan sahaja kepada penghasilan karya, malah memberi sesebuah implikasi dan inisiatif kepada para audiens melalui kontribusi daripada bidang lain.

Penghasilan karya pada masa kini tidaklah dinafikan dengan kontribusi daripada bidang lain, kerana pendirian sendiri oleh seni mutakhir ini tidak wujud lagi. Oleh itu, penerapan terhadap konsep parametrik dengan eksperimentasi porselin telah diguna pakai dalam penghasilan karya seni kontemporari. Penghasilan karya dengan bantuan medium elektronik juga memberi kesan yang amat kontigensi dalam kajian ini. Di samping itu, penekanan terhadap unsur teknikal tidak ditekankan sepenuhnya melainkan konsep menjadi maksud pada karya ini.

Bab 2

Sorotan Kajian

2.1 Pendahuluan

Kajian literatur adalah salah bahagian yang penting dalam sesebuah kajian bagi menginterpretasikan data, informasi dan rujukan. Pengkaji menggunakan pelbagai sumber rujukan seperti buku, journal, internet dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat yang terperinci yang boleh diguna pakai dalam kajian ini. Segala dapatan daripada kajian lepas adalah berpaksi kepada penerapan konsep parametrik dalam penghasilan karya kontemporari dengan eksperimentasi porselin.

2.2. Konsep Parametrik

Menurut Sabran (2017), seni kontemporari adalah seni yang mempunyai kontribusi daripada bidang ataupun disiplin lain. Penggunaan konsep daripada disiplin lain mempunyai hubung kait yang rapat dengan penggunaan teknologi mahupun medium elektronik. Perkembangan seni dunia menjadi faktor utama dalam penggunaan konsep daripada bidang lain. Tidak hairan sekiranya para artis menggunakan kaedah mahupun konsep daripada pelbagai bidang yang berbeza. Hal ini memberi kesan secara dinamik terhadap karya akhir mahupun konsep atau kaedah yang diutarakan oleh para artis. Dengan ini, secara telitinya bahawa penggunaan konsep daripada bidang lain menjadi salah satu inovatif dalam penghasilan karya kontemporari.

Menurut Kissick (1996), sesebuah karya *paradox* dan *irony* dalam konteks kontemporari sahaja mampu menjadi karya tersebut adalah kontemporari. Penghasilan karya kontemporari tidak mempunyai limitasi dalam penggunaan medium, kaedah mahupun konsep. Penghasilan karya tidak mempunyai pendekatan yang statik yang mengatakan karya tersebut adalah karya kontemporari atau tidak. Penerapan dan kontribusi daripada bidang lain menjadi salah sebuah punca kepada pernyataan tersebut. Oleh hal demikian, tidak ada sebarang pendekatan yang mengatakan bahawa penghasilan karya mempunyai sempadan dalam penghasilannya dan ini membawa kepada penerapan konsep parametrik pada karya akhir.

Kontribusi daripada bidang lain memberi impak yang maksimum dalam penghasilan karya seni visual dengan adanya teknologi yang berunsurkan primitif (Costantino, T., Kellam, N., Cramond, B. & Crowder, I. 2010). Secara langsung, perkembangan teknologi memberi tekanan dalam penerapan konteks yang berpaksi kepada penghasilan karya yang memberi kronologi terhadap karya itu sendiri kepada para audiens. Justeru, kontribusi seni dengan bidang lain dapat memberi *output* yang berkaliber dengan bantuan medium elektronik mahupun teknologi.

Bidang kejuruteraan tidak sepenuhnya memenuhi kriteria sekiranya tiada pemikiran kreatif dan kritikal melalui ekspresi dan nilai estetika (Costantino, T., Kellam, N., Cramond, B. & Crowder, I. 2010). Sebagai contoh, William Lipscomb menerangkan tentang kimia *Boron* melalui nilai estetika. Adakah pendekatan tersebut dianggap sebagai bidang sains? Jawapannya ternyata tidak. Walaupun pendekatan yang digunakan oleh beliau adalah sains neuron, malah *output* terhadap pendekatan yang difokus oleh beliau adalah dalam bidang seni visual. Oleh hal demikian, tidak mustahil sekiranya pengkaji menggunakan konsep parametrik dalam kajian ini bagi menghasilkan karya kontemporari dengan eksperimentasi porselin sebagai medium utama.